Shaiful Nizam bin Ismail lwn Mohd Azrul bin Rosli & Anor

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO 12B-1037 TAHUN 2010
SURAYA OTHMAN H
9 OGOS 2012

Ganti rugi — Kuantum — Kemalangan jalan raya — Rayuan terhadap kuantum dan liabiliti — Sama ada tuntutan berjaya dibuktikan atas imbangan kebarangkalian — Sama ada versi plaintif adalah kredibel — Sama ada hakim mahkamah sesyen khilaf dalam dapatan-dapatannya

Perayu ('plaintif') yang menunggang sebuah motosikal, telah mendakwa bahawa sebuah motolori yang dipandu oleh responden pertama ('defendan pertama') datang dari arah bertentangan dan secara tiba-tiba memasuki laluan plaintif dan melanggarnya. Akibatnya, plaintif telah mengalami kecederaan, kerosakan dan kerugian. Merujuk kepada pembelaan defendan-defendan, defendan pertama mendakwa bahawa terdapat dua buah motosikal dari arah bertentangan dalam keadaan cuaca hujan gerimis. Ketika kejadian, motosikal yang ditunggang oleh plaintif telah hilang kawalan apabila mengambil selekoh ke kiri dan telah jatuh di atas laluannya dan seterusnya telah terbabas dan masuk ke laluan defendan pertama (arah bertentangan) dan seterusnya melanggar tayar hadapan kedua di sebelah kanan motolori tersebut. Defendan pertama juga mendakwa bahawa selepas melanggar tayar hadapan tersebut, motosikal plaintif telah terpelanting dan melanggar dua lagi tayar belakang sebelah kanan motolori tersebut. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') memutuskan bahawa plaintif tiada bukti kukuh untuk menunjukkan bahawa motolori yang dipandu oleh defendan pertama telah cuai dan menyebabkan kemalangan tersebut. Atas imbangan kebarangkalian, HMS telah memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan tuntutannya dan oleh itu tuntutan plaintif telah ditolak. Dalam rayuan ini, peguamcara plaintif menghujahkan bahawa motolori tersebut tidak boleh kekal di laluan kiri jalan tersebut kerana saiznya yang panjang dan terpaksa masuk ke laluan plaintif ketika membelok di selekoh tersebut. Plaintif juga menyentuh mengenai keterangan defendan pertama yang menyatakan bahawa ketika kejadian tersebut, dia nampak motosikal plaintif hendak ke selekoh kiri namun tiba-tiba motosikal plaintif jatuh dan masuk ke laluan defendan pertama dan dia terus mengelak ke kiri. Berdasarkan keterangan defendan pertama ini, peguam plaintif menghujahkan bahawa sekiranya benar defendan pertama mengelak ke kiri, maka sudah pasti motolori tersebut melanggar 'guard railing' di tepi bahagian kiri jalan tersebut. Oleh yang demikian, plaintif

menghujahkan bahawa keterangan defendan pertama adalah tidak benar dan sukar untuk dipercayai. A

Diputuskan, menolak rayuan bagi liabiliti dengan kos dan membenarkan rayuan sebahagian kuantum: B

(1) Mahkamah mengekalkan keputusan HMS yang bijaksana dan adalah diputuskan bahawa rayuan plaintif mengenai isu liabiliti adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Namun begitu, rayuan mengenai isu kuantum bagi kecederaan *closed fracture of the subtrochanteric femur* dibenarkan (lihat perenggan 7). C

(2) Jalan raya tersebut mempunyai keluasan yang 'standard' dan bersesuaian dengan semua saiz kenderaan yang berkelayakan untuk melaluinya. Sebagai seorang pemandu lori yang mempunyai lesen sudah pasti defendan pertama tidak akan memasuki laluan bertentangan kecuali dapat dibuktikan sebaliknya dengan mengambil kira bukti senyap yang lain seperti kesan brek dan kerosakan kenderaan berkaitan. Dalam perkara ini, versi plaintif hanya berasaskan kepada dakwaan plaintif sahaja tanpa disokong oleh bukti senyap yang lain ataupun saksi bebas. Oleh yang demikian, hujahan peguam plaintif mengenai perkara ini adalah tidak kukuh dan wajar ditolak (lihat perenggan 11). D E

(3) Peguam plaintif hanya membuat rumusan berdasarkan pendapat dan andaian semata-mata tanpa mengemukakan asas-asas atau bukti-bukti yang menyokong hujahan beliau. Mempercayai versi plaintif semata-mata tanpa mengambil kira bukti sokongan yang lain merupakan satu pendekatan penilaian bukti yang salah. Oleh itu, hujahan peguam plaintif ini jelas tidak membantu kes plaintif (lihat perenggan 12). F

(4) HMS membuat dapatan fakta bahawa rajah kasar yang dilukis oleh pegawai penyiasat dalam kes ini adalah tidak lengkap. Ini kerana pegawai penyiasat tersebut tidak menandakan kesan brek dari tayar plaintif walaupun defendan pertama telah menunjukkan kesan brek berkaitan ketika siasatan dijalankan ditempat kemalangan tersebut. Dapatan HMS ini adalah berdasarkan keterangan bersumpah defendan pertama dan oleh itu mahkamah tidak mengganggu dapatan ini. Sebagai hakim yang menjalankan perbicaraan, beliau mempunyai kelebihan audio dan visual dalam meneliti dan mempertimbangkan keterangan oleh saksi-saksi dan juga keterangan dokumentar. Oleh itu, pendekatan HMS dalam memutuskan isu ini adalah tepat dan wajar (lihat perenggan 13). G H

[English summary I

The appellant ('plaintiff') who was riding a motorcycle, alleged that a lorry driven by the first respondent ('first defendant'), which came from the opposite direction had suddenly entered into the plaintiff's path and collided with him. As a result, the plaintiff suffered injuries, losses and damages. Referring to the

defendants' defence, the first defendant contended that there were two motorcycles from the opposite direction in the slight drizzling weather. At the time of the incident, the motorcycle ridden by the plaintiff lost control when turning to the left and fell on its path and subsequently swerved and entered into the first defendant's path (opposite direction) and thereafter collided into the second front tyre on the right of the lorry. The first defendant also alleged that after colliding into the front tyre, the plaintiff's motorcycle flung and hit two other back tyres of the right side of the lorry. The sessions court judge ('SCJ') decided that the plaintiff did not have a strong evidence to show that the lorry driven by first defendant was negligent and caused the accident. On the balance of probabilities, the SCJ had concluded that the plaintiff had failed to prove his claim and thus the plaintiff's claim was dismissed. In this appeal, the plaintiff's counsel submitted that the lorry could not remain on the left side of the road as its size which was long and had to cut into the plaintiff's path while turning at the turning. The plaintiff also touched on the first defendant's testimony which stated that during the incident, he saw the plaintiff's motorcycle was about to turn to the left turning but all of the sudden the motorcycle fell and went into the first defendant's path and he immediately avoided to the left. Based on the first defendant's testimony, the plaintiff's counsel submitted that if it was true that the first defendant was avoiding to the left, then the lorry would have definitely hit the guard railing on the left side of the road. Therefore, the plaintiff contended that the first defendant's testimony was untrue and not credible.

Held, dismissing the appeal on liability with costs and allowing the appeal on quantum in part:

(1) The court sustained the decision of the learned SCJ and it was decided that the plaintiff's appeal on the issue of liability was without merit and dismissed with costs. However, the appeal on the quantum for the injury for closed fracture of the subtrochanteric femur was allowed (see para 7).

(2) The road was with a standard width and fit for all size vehicles which were allowed to use it. As a lorry driver with licence, the first defendant would definitely have not have gone into the opposite direction unless it could be showed, by taking into account of other silent evidence, such as brake marks and damages to the vehicle. In this matter, the plaintiff's version was only based on the plaintiff's allegation without being supported by other silent evidence or independent witness. Therefore, the plaintiff's counsel's contention on this matter was not strong and ought to be dismissed (see para 11).

(3) The plaintiff's counsel had made the conclusion based merely on the opinion and presumption without adducing the grounds or evidence in support of his submissions. Believing in the plaintiff's version without taking into account of the other supporting evidence would amount to a

wrong approach to the evaluation of evidence. Therefore, the plaintiff's counsel's argument clearly did not assist the plaintiff's case (see para 12).

(4) The SCJ made a finding of fact that the sketch plan drawn by the investigating officer in this case was not complete. This was because the investigating officer did not mark the brake mark from the plaintiff's tyre although the first defendant had shown the brake mark involved during the investigation at the scene of the incident. The SCJ's findings was based on the first defendant's sworn testimony and thus the court did not interfere with this findings. As the judge who had conducted the trial, he had the audio and visual advantage in evaluating and considering the evidence of the witness as well as the documentary evidence. Therefore, the SCJ's approach in deciding on this issue was accurate and appropriate (see para 13).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kuantum secara am, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 350–358.

Kes-kes yang dirujuk

China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, MP (dirujuk)

Musa b Jusoh v Mazlan b Bidin & Anor [2009] 1 PIR [8], MA (dirujuk)

Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip [1984] 2 MLJ 28; [1984] 1 CLJ 310 (Rep); [1984] 2 CLJ 281, MP (dirujuk)

Samsuri bin Saad & Anor v Chew Kit Toh (t/a Kit Thong Who Hup) and another appeal [1996] 1 MLJ 576, MT (dirujuk)

Shanmugam a/l Gopal v Zinal Abidin bin Nazim & Anor [2003] 3 MLJ 76; [2003] 8 CLJ 729, MT (dirujuk)

Sim Chee Yung v Johnny ak Linggon & Anor [2008] 1 PIR (58) (dirujuk)

Sujian AK Kudong v Kho Min Huat & Anor etc [2008] 2 PIR (4) (dirujuk)

Brijnandan Bhar (G Dorai & Co) bagi pihak plaintif.
Santha Mohan (VP Nathan & Partners) bagi pihak defendan-defendan.

Suraya Othman H:

RINGKASAN FAKTA KES

[1] Pada 30 April 2009, perayu/plaintif ('plaintif') sedang menunggang motosikal bernombor BDH 9713 yang menghala ke arah Kundang dan apabila sampai di Jalan Besar Kundang, Hulu Selangor, plaintif mendakwa

bahawa sebuah motolori bernombor CAS 1122 yang dipandu oleh responden pertama/defendan pertama ('defendan pertama') dari arah bertentangan secara tiba-tiba memasuki laluan plaintif dan melanggar motosikal plaintif. Akibat pelanggaran tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan, kerosakan dan kerugian.

[2] Merujuk kepada pembelaan defendan-defendan, defendan pertama mendakwa bahawa terdapat dua buah motosikal dari arah bertentangan dalam keadaan cuaca hujan gerimis. Ketika kejadian, motosikal yang ditunggang oleh plaintif telah hilang kawalan apabila mengambil selekoh ke kiri dan telah jatuh di atas laluannya dan seterusnya telah terbabas dan masuk ke laluan defendan pertama (arah bertentangan) dan seterusnya melangar tayar hadapan kedua di sebelah kanan motolori tersebut. Defendan pertama juga mendakwa bahawa selepas melanggar tayar hadapan tersebut, motosikal plaintif telah terpelanting dan melanggar dua lagi tayar belakang di sebelah kanan motolori tersebut.

KEPUTUSAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

Isu liabiliti

[3] Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah mendapati bahawa plaintif tiada bukti kukuh untuk menunjukkan bahawa motolori yang dipandu oleh defendan pertama telah cuai dan menyebabkan kemalangan tersebut. Atas imbangan kebarangkalian, HMS telah memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan tuntutannya dan oleh itu tuntutan plaintif telah ditolak.

Isu kuantum

[4] HMS memutuskan bahawa kuantum yang dibenarkan berdasarkan liabiliti 100% adalah seperti berikut:

(a) bagi kecederaan 'closed fracture of the subtrochanteric femur' award yang diputuskan adalah RM30,000;

(b) award bagi kecederaan 'fracture of spinous process of L4–L5' yang dibenarkan ialah RM30,000;

(c) award bagi kecederaan 'fracture of right and left interior and superior pubic rami' dibenarkan sebanyak RM40,000;

(d) award bagi 'fracture of ilium' dibenarkan sebanyak RM12,000;

(e) award bagi 'scar' yang dibenarkan adalah sebanyak RM8,000;

(f) kos pembedahan masa hadapan untuk:

(i) pembedahan 'fusion of the spine' adalah tidak dibenarkan; dan

(ii) pembedahan 'removal of implant' dibenarkan sebanyak RM2,500;

(g) award bagi kesakitan dan penderitaan ketika menjalani pembedahan masa depan dibenarkan sebanyak RM3,500.

HUJAHAN PEGUAM PERAYU/PLAINTIF

Isu liabiliti

[5] Dalam mengemukakan hujahannya, peguamcara plaintif, Encik Brijnandan Bhar, lebih menumpukan kepada perbandingan saiz motolori tersebut dan keluasan jalan serta pergerakan lori tersebut ketika melalui selekoh di tempat kejadian tersebut. Beliau menyatakan bahawa lebar saiz bagi sebuah motolori bertayar lapan adalah lebih kurang 8 kaki lebar. Sedangkan luas jalan raya dalam laluan defendan pertama (B–C) adalah dalam 10 kaki lebar. Maka sudah pasti motolori tersebut tidak boleh kekal di laluan kiri jalan tersebut kerana saiz yang panjang pasti menyebabkan motolori defendan terpaksa masuk ke laluan plaintif ketika membelok di selekoh tersebut. Atas alasan ini beliau selanjutnya menghujahkan bahawa motorlori tersebut pasti masuk ke laluan bertentangan (laluan plaintif) sebanyak paling kurang 1–2 kaki. Oleh yang demikian, atas imbangan kebarangkalian, kemalangan tersebut boleh berlaku di laluan plaintif.

[6] Peguam plaintif juga merujuk kepada keterangan defendan pertama untuk menyokong versi plaintif. Dalam hal ini, beliau menyentuh mengenai keterangan defendan pertama yang menyatakan bahawa ketika kejadian tersebut, beliau nampak motosikal plaintif hendak ke selekoh kiri namun tiba-tiba motosikal plaintif jatuh dan masuk ke laluan defendan pertama dan beliau terus mengelak ke kiri. Berdasarkan keterangan defendan pertama ini, peguam plaintif menghujahkan bahawa sekiranya benar defendan pertama mengelak ke kiri, maka sudah pasti motolori tersebut melanggar 'guard railing' di tepi bahagian kiri jalan tersebut. Oleh yang demikian, keterangan defendan pertama adalah tidak benar dan sukar untuk dipercayai.

Isu kuantum

[7] Plaintif hanya merayu terhadap award-award bagi kecederaan-kecederaan berikut:

(a) bagi kecederaan 'closed fracture of the subtrochanteric femur', award yang wajar diberikan adalah RM50,000 kerana kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh plaintif adalah sangat serius. Jumlah RM30,000 adalah terlalu rendah;

(b) bagi kecederaan 'fracture of spinous process of L4–L5' peguam plaintif memohon agar award berjumlah RM60,000 diberikan. Ini adalah kerana kecederaan ini boleh mengakibatkan keilatan seperti 'instability of the lumbar spine';

(c) bagi kecederaan 'fracture of right and left interior and superior pubic rami', peguam plaintif menghujahkan bahawa award RM40,000 yang diberikan oleh HMS adalah terlalu rendah. Beliau merayu bahawa award yang wajar dibenarkan ialah RM60,000 berdasarkan kes *Musa b Jusoh v Mazlan b Bidin & Anor* [2009] 1 PIR [8]; *Sujian AK Kudong v Kho Min Huat & Anor etc* [2008] 2 PIR (4) dan *Sim Chee Yung v Johnny ak Linggon & Anor* [2008] 1 PIR (58);

(d) bagi kos untuk pembedahan masa hadapan dihujahkan seperti berikut:

(i) kos pembedahan 'fusion of the spine' wajar dibenarkan sebanyak RM20,000 kerana terdapat kesakitan/keilatan yang memerlukan pembedahan 'implant' selaras dengan saranan doktor pakar plaintif; dan

(ii) bersetuju dengan keputusan HMS bahawa kos pembedahan 'removal of implant' yang wajar adalah sebanyak RM2,500;

(e) award bagi kesakitan dan penderitaan ketika menjalani pembedahan masa depan dibenarkan oleh HMS sebanyak RM3,500, peguam plaintif merayu agar dinaikkan kepada RM10,000 kerana plaintif akan mengalami kesakitan yang berganda kerana beliau juga memerlukan pembedahan 'fusion of his spine' dan juga berdasarkan kes *Shanmugam a/l Gopal v Zinal Abidin bin Nazim & Anor* [2003] 3 MLJ 76; [2003] 8 CLJ 729.

HUJAHAN PEGUAM RESPONDEN-RESPONDEN / DEFENDAN-DEFENDAN

Isu liabiliti

[8] Encik Santha Mohan, peguam bagi defendan-defendan menghujahkan bahawa keterangan plaintif ini adalah jelas diakui bahawa kemalangan telah terjadi di laluan defendan pertama akibat plaintif sendiri yang telah terbabas di laluannya ketika mengambil selekoh dan akibat dari itu, beliau telah memasuki laluan defendan pertama dan berlanggar dengan lori defendan-defendan.

[9] Peguam defendan-defendan selanjutnya berhujah bahawa menurut alasan penghakiman HMS yang bijaksana telah membuat pertimbangan fakta yang betul dalam mencapai keputusan yang diberikan. Keputusan tersebut dibuat setelah menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi dan penghujahan pihak-pihak semasa peringkat perbicaraan di mahkamah sesyen. Oleh yang demikian tiada sebarang kesilapan dari segi fakta dan undang-undang sebagaimana yang didakwa oleh plaintif. Atas alasan ini, keputusan HMS mengenai isu liabiliti tidak wajar diganggu.

Isu kuantum

[10] Peguam defendan-defendan menghujahkan bahawa isu kuantum berkenaan dengan ganti rugi am (kecederaan) berpandukan kepada 'finding of fact' yang selaras dengan keterangan-keterangan lisan plaintif yang telah dicabar oleh pihak defendan-defendan yang harus dianggap sebagai diterima dan wajar. Adalah juga menjadi hujahan peguam defendan-defendan bahawa ganti rugi am yang diputuskan oleh HMS pada ms 29–31 rekod rayuan adalah betul dan ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Samsuri bin Saad & Anor v Chew Kit Toh (t/a Kit Thong Who Hup) and another appeal* [1996] 1 MLJ 576.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

Isu liabiliti

[11] Setelah meneliti rekod rayuan dan hujahan-hujahan peguamcara plaintif dan peguamcara defendan-defendan, di sini saya akan menghuraikan isu-isu relevan yang menjadi asas kepada keputusan saya. Saya mula dengan merujuk kepada hujahan peguamcara plaintif, Encik Brijnandan Bhar yang dengan yakin menghujahkan bahawa versi plaintif adalah lebih dipercayai ('probable'). Dapat diperhatikan bahawa hujahan Encik Brijnandan Bhar yang pertama bersandarkan kepada perbandingan saiz kenderaan motolori defendan-defendan dengan kelebaran jalan raya tersebut. Encik Brijnandan Bhar membuat justifikasi perbandingan tersebut dan membuat rumusan bahawa berdasarkan saiz motolori tersebut, motolori yang dipandu oleh defendan pertama pasti akan masuk ke laluan bertentangan (laluan palintif) ketika mengambil selekoh yang agak tajam di jalan raya tersebut. Dalam meneliti hujahan ini, saya mendapati bahawa rumusan Encik Brijnandan Bhar tidak semestinya tepat kerana hanya pemandu motolori yang tidak berkelayakan untuk mendapatkan lesen sahaja yang tidak boleh mengawal lorinya dari memasuki laluan bertentangan. Ini kerana jalan raya tersebut mempunyai keluasan yang 'standard' dan bersesuaian dengan semua saiz kenderaan yang berkelayakan untuk melaluinya. Tambahan pula, sebagai seorang pemandu lori yang mempunyai lesen sudah pasti defendan pertama

tidak akan memasuki laluan bertentangan kecuali dapat dibuktikan sebaliknya dengan mengambil kira bukti senyap yang lain seperti kesan brek dan kerosakan kenderaan berkaitan. Dalam perkara ini, versi plaintif hanya berasaskan kepada dakwaan plaintif sahaja tanpa disokong oleh bukti senyap yang lain ataupun saksi bebas. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa hujahan peguam plaintif mengenai perkara ini adalah tidak kukuh dan wajar ditolak.

[12] Seterusnya saya merujuk kepada hujahan relevan yang kedua oleh peguam plaintif di mana beliau menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan defendan pertama yang menyatakan bahawa beliau mengelak ke kiri ketika plaintif memasuki laluannya, sudah pasti defendan pertama akan melanggar 'guard railing' di sebelah kiri laluan beliau. Sekali lagi saya berpendapat bahawa hujahan ini tidak kukuh tanpa disokong oleh bukti yang lain seperti kerosakan motolori di bahagian kiri, kesan brek ataupun kerosakan 'guard railing'. Boleh dikatakan peguam plaintif hanya membuat rumusan berdasarkan pendapat dan andaian beliau semata-mata tanpa mengemukakan kepada mahkamah asas-asas atau bukti-bukti yang menyokong hujahan beliau. Mempercayai versi plaintif semata-mata tanpa mengambil kira bukti sokongan yang lain merupakan satu pendekatan penilaian bukti yang salah. Oleh itu, hujahan peguam plaintif ini jelas tidak membantu kes plaintif.

[13] Saya selanjutnya akan melihat dan meneliti alasan-alasan yang dikemukakan oleh HMS dalam membuat keputusan menolak tuntutan plaintif. Apa yang jelas, saya mendapati bahawa HMS membuat dapatan fakta bahawa rajah kasar yang dilukis oleh pegawai penyiasat dalam kes ini adalah tidak lengkap. Ini kerana pegawai penyiasat tersebut tidak menandakan kesan brek daripada tayar plaintif walaupun defendan pertama telah menunjukkan kesan brek berkaitan ketika siasatan dijalankan ditempat kemalangan tersebut. Dapatan HMS ini adalah berdasarkan keterangan bersumpah defendan pertama dan oleh itu saya tidak mahu mengganggu dapatan ini. Ini adalah kerana, sebagai hakim yang menjalankan perbicaraan, beliau mempunyai kelebihan 'audio' dan 'visual' dalam meneliti dan mempertimbangkan keterangan oleh saksi-saksi dan juga keterangan dokumentar. Oleh itu, pendekatan HMS dalam memutuskan isu ini adalah tepat dan wajar.

[14] Dalam meneliti alasan lanjut yang dikemukakan oleh HMS, saya melihat bahawa HMS merumuskan bahawa siasatan pegawai penyasat dalam kes ini adalah tidak menyeluruh dan berat sebelah kerana kerosakan motolori yang dilihat selepas kemalangan tidak dapat dipastikan, sedangkan kerosakan motosikal yang telah dilihat hanya selepas tiga bulan pula yang dapat direkodkan. Selain dari itu, HMS telah membuat kesimpulan bahawa beliau tidak dapat memastikan sama ada kerosakan motosikal adalah akibat dari kemalangan yang sama dan juga sama ada versi plaintif adalah lebih dipercayai

('more probable'). Ini kerana laporan polis hanya dibuat selepas tiga bulan dari tarikh kemalangan sedangkan plaintif telah sempat mendapatkan rawatan susulan di hospital sebelum membuat laporan polis berbanding dengan defendan pertama yang telah membuat laporan sehari selepas kemalangan berlaku. Dengan mengambil kira tempoh laporan yang dibuat oleh plaintif dan defendan pertama, HMS membuat rumusan bahawa plaintif mempunyai masa yang lama untuk beliau mereka cerita mengenai kemalangan tersebut sebelum laporan polis dibuat, berbanding dengan defendan pertama yang masih mengingati dengan jelas bagaimana kemalangan itu berlaku. Berdasarkan kepada alasan HMS ini, saya mendapati HMS telah membuat satu penilaian yang tepat mengenai kredibiliti plaintif dan juga defendan pertama. Oleh itu, saya bersetuju dengan pendekatan HMS dalam mempertimbangkan isu ini.

[15] Antara alasan HMS yang perlu saya teliti selanjutnya ialah berkaitan isu keterangan plaintif sendiri yang menyokong versi defendan pertama. Dalam perkara ini, HMS telah mendapati bahawa berdasarkan keterangan plaintif di dalam soalan balas, plaintif mengakui bahawa kemalangan telah terjadi di laluan defendan akibat plaintif sendiri yang terbabas di laluannya apabila mengambil selekoh, dan seterusnya telah memasuki laluan defendan serta melanggar motolori yang dipandu oleh defendan pertama. HMS selanjutnya berpendapat bahawa plaintif telah cuba untuk menukar keterangan atau cerita ini ketika pemeriksaan semula. Tindakan plaintif ini dalam memberikan keterangan yang tidak konsisten menyebabkan HMS ragu-ragu dan tidak yakin untuk menerima versi plaintif. Dalam mempertimbangkan alasan HMS ini, saya sekali lagi bersetuju dengan pendekatan yang dibuat oleh HMS dalam menilai dan menghargai keterangan-keterangan oleh saksi-saksi dan juga bukti lain yang berkaitan.

[16] Berdasarkan alasan-alasan yang saya huraikan di atas, adalah tepat untuk saya katakan bahawa pendekatan HMS dalam memutuskan isu-isu di atas adalah jelas tidak salah dan merupakan satu penilaian yang tepat berdasarkan prinsip undang-undang yang mantap, sebagaimana yang telah diputuskan oleh kes-kes berikut:

(a) *Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 28; [1984] 1 CLJ 310 (Rep); [1984] 2 CLJ 281, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> The approach to the exercise of the power available to an appellate court is as stated by Lord Denning MR in *Kerry v Carter* [1969] 1 WLR 1372 where he said:

> I think that the attitude of this court was correctly stated in that case (*Brown v Thompson* [1968] 1 WLR 1003 at p 1012, by Edmund Davies LJ when he quoted from the judgment of Sellers LJ in *Qunitas v National Smelting Board* [1961] 1 WLR 401, 409). This court adopts in regard to apportionment the same attitude as it does to damages. We will interfere if the judge has gone wrong in principle or is shown to have misapprehended the facts; but, even if neither of these is shown, we will interfere if we are of opinion that the judge was clearly wrong.

(b) *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> It is settled principle of law that in an appeal, where facts have to be reviewed, it is undesirable that the findings of the court below should be disturbed by a court of appeal unless it appears that those findings are clearly wrong, and more especially that it is undesirable to do so where the conclusions reached must to a large extent depend on the credibility of the witnesses and the impression formed by a court which has seen them and can judge their honesty and accuracy (*Crofter Hand Woven Harris Tweed Co Ltd & Ors v Veitch & Anor* [1942] 1 All ER 142 (HL) per Lord Porter at p 167).

Isu kuantum

[17] Peguam perayu hanya merayu terhadap award-award tertentu sahaja dan bukannya terhadap semua award-award yang diputuskan oleh HSM. Oleh yang demikian, keputusan saya hanya merujuk kepada award-award yang dirayu sahaja. Setelah meneliti alasan oleh HMS dalam memberikan award-award berkaitan, dan setelah mempertimbangkan hujahan-hujahan peguam plaintif dan defendan mengenai isu kuantum ini, saya memutuskan seperti berikut:

(a) bagi kecederaan 'closed fracture of the subtrochanteric femur', saya memutuskan award yang wajar diberikan adalah RM40,000 dan bukanya RM30,000 kerana kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh plaintif boleh dianggap serius dan selaras dengan 'Guidelines for Awards in Personal Injury Claim' yang menetapkan jumlah maksimum adalah RM40,000;

(b) bagi kecederaan 'fracture of spinous process of L4–L5' saya berpendapat bahawa award yang diberikan oleh HMS sebanyak RM30,000 adalah munasabah berdasarkan 'Guidelines for Awards in Personal Injury Claim' dan oleh itu award ini dikekalkan;

(c) bagi kecederaan 'fracture of right and left interior and superior pubic rami', saya juga memutuskan bahawa award RM40,000 yang diberikan oleh HMS adalah munasabah, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah berdasarkan kes *Sujian AK Kudong v Kho Min Huat & Anor etc* [2008] 2 PIR (4) dan *Sim Chee Yung v Johnny ak Linggon & Anor* [2008] 1 PIR (58) yang masing-masing memutuskan award sebanyak RM40,000 dan RM45,000 bagi kecederaan yang sama dan oleh itu award ini dikekalkan;

(d) bagi kos untuk pembedahan masa untuk pembedahan 'fusion of the spine' saya bersetuju dengan keputusan HMS yang tidak membenarkan award ini kerana kepatahan L4–L5 telah bersambung 'unite'; dan

(e) award bagi kesakitan dan penderitaan ketika menjalani pembedahan masa depan yang dibenarkan oleh HMS sebanyak RM3,500 adalah satu award yang wajar berdasarkan kes *Shanmugam a/l Gopal v Zinal Abidin bin Nazim & Anor* [2003] 3 MLJ 76; [2003] 8 CLJ 729. Oleh itu, award ini dikekalkan.

KESIMPULAN

[18] Berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, saya dengan ini mengekalkan keputusan HMS yang bijaksana dan adalah diputuskan bahawa rayuan plaintif mengenai isu liabiliti adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Namun begitu, saya membenarkan rayuan mengenai isu kuantum bagi kecederaan 'closed fracture of the subtrochanteric femur' sebagaimana yang saya jelaskan di atas.

[19] Rayuan berkaitan liabiliti ditolak. Rayuan berkaitan kuantum dibenarkan untuk satu 'item' sahaja.

[20] Kos RM3,000 kepada defendan.

[21] Deposit dipulangkan kepada defendan.

A *Rayuan bagi liabiliti ditolak dengan kos dan rayuan sebahagian kuantum dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor

B

C

D

E

F

G

H

I